

# AKADEMIK

## SENARIO DADAH DI SABAH

Pada 14 Mac 2013, pelajar tahun akhir Program Kerja Sosial, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan seminar yang bertajuk “Senario Dadah di Negeri Sabah”. Seminar yang dihadiri oleh 80 orang pelajar tahun akhir daripada Program Kerja Sosial diadakan adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan kursus Isu-isu dalam Kerja Sosial.



Penceramah (kiri) dengan Pensyarah Norhamidah (Kanan)

Penceramah jemputan adalah Tuan Haji Tugiman Bin Kayun yang merupakan Timbalan Pengarah, Klinik Cure and Care (C & C), Papar. Klinik Cure and Care (C & C) adalah klinik pemulihan dadah yang ditransformasikan dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). Menurut beliau, dadah merupakan sejenis bahan kimia psikoaktif yang digunakan dengan cara menelan, menghidu atau menyuntik. Dadah dikategorikan kepada dua jenis iaitu tradisional dan sintetik. Dadah jenis tradisional dihasilkan dari sumber semulajadi seperti daun ketum dan daun ganja. Dadah jenis sintetik merupakan dadah yang dihasilkan melalui bahan-bahan kimia. Contoh dadah jenis sintetik adalah syabu, gam, heroin, kokain, petrol dan sebagainya. Menurut beliau lagi, dadah jenis *metamphetamine* atau lebih dikenali sebagai syabu amat popular dalam kalangan masyarakat hari ini kerana ianya mudah diperolehi dan harganya murah .



Tuan Hj Tugiman sedang menyampaikan ceramah

Beliau turut mengatakan bahawa ketagihan dadah di dalam diri seseorang individu boleh dikesan melalui tingkahlaku seperti pulang lewat malam, tidak menghormati ibu bapa atau berlakunya kecurian di rumah. Penagihan dadah yang berlaku dalam kalangan masyarakat adalah berpunca daripada gejala sosial seperti pelacuran, merempit, vandalisme, dan melepak. Perkembangan industri hiburan (kelab malam, bar dan pusat karaoke) juga merupakan faktor bagi penularan gejala penagihan dadah dalam kalangan remaja pada hari ini.



Pelajar SPKS di Seminar Senario Dadah di Negeri Sabah

Beliau turut menyatakan bahawa dadah memberi pelbagai kesan negatif kepada individu, keluarga dan negara. Kesan penagihan dadah kepada individu adalah seperti mengabaikan tanggungjawab terhadap persekolahan atau pekerjaan, pergaulan yang tidak sihat dan daripada aspek fizikal iaitu individu menjadi lemah, kurus, khayal, mempunyai daya ketahanan diri yang rendah dan kemahuan seks yang berkurang. Manakala kesan penyalahgunaan dadah terhadap keluarga adalah mencemarkan nama baik keluarga, bebanan dalam rawatan pemulihan dan kepincangan dalam sistem kekeluargaan. Seterusnya, kesan terhadap negara pula adalah terutama dari segi ekonomi, kesihatan dan keselamatan negara.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa dadah merupakan sejenis bahan yang berbahaya kerana apabila digunakan secara negatif, kesan sampingan daripada bahan ini boleh merosakkan anak bangsa dan negara. Ibu bapa, masyarakat dan kerajaan hari ini haruslah bekerjasama dalam usaha untuk membendung gejala ini dari terus berleluasa dan merosakkan anak bangsa yang bakal menerajui pentadbiran dan menjadi tunjang kemajuan negara pada masa depan.



Seminar sedang berlangsung di SPKS



Dr. Peter (tengah) menyampaikan cenderahati